

“Saya tidak mahu menyalakan pekara-pekara controversial”

DI DALAM tahun limapuluhan, ketika saya sedang berjalan di kaki lima kedai Jalan Tengku Ibrahim Alor Setar, seorang perempuan tua bertanya kepada saya di mana Doktor UMNO?

Orang tua ini nampaknya datang dari kampung dan saya merasa sedih kerana terpaksa memberitahunya bahawa saya 'tidak tahu'. Saya masih sekolah dan tidak banyak pergaulan.

Lama kemudian baru saya tahu bahawa Doktor UMNO yang dimaksudkan oleh orang tua itu ialah Doktor Mahathir bin Mohamad yang baru membuka kliniknya di Jalan Tengku Ibrahim setelah berhenti berkhidmat dari kerajaan dua bulan sebelum Melaya Merdeka (1957).

Orang ramai sentiasa berpusing-pusing di kliniknya; orang sanggup menunggu berjam-jam, ada yang tunggu dari pagi hingga petang baru dapat menemuinya. Bila ditanya kenapa semua orang pergi ke Klinik Doktor Mahathir, orang akan menjawab 'Doktor baik'.

Doktor Mahathir telah popular sejak beliau mulai berkhidmat di Rumah Sakit Alor Setar dalam tahun 1954 kerana budi bahasanya dengan orang ramai. Namanya bertambah harum kerana isterinya Doktor Hasmah yang berkhidmat di rumah sakit yang sama setahun kemudian mempunyai peribadi yang sama.

Di Bandar Alor Setar keharuman nama Doktor Mahathir pada ketika itu bukan kerana kegiatannya di dalam politik tetapi adalah kerana peribadinya yang lemah lembut dan budi bahasanya yang sangat menarik orang ramai.

Beliau disebut-sebut sebagai Doktor UMNO kerana pemberhentiannya dari berkhidmat dengan kerajaan adalah untuk membolehkannya aktif di dalam UMNO.

Bagaimanapun kegiatannya itu tidak lama. Selepas merdeka beliau mengambil sikap menyepi kerana mempunyai perselisihan pendapat di dalam parti mengenai soal perjanjian pertahanan dengan British.

MAHATHIR HADAPI UJIAN

U. M. - 9 SEP 1974

PENGENALAN RINGKAS:

DOKTOR Mahathir bin Mohamad 49 tahun, dilahirkan di Alor Setar pada 20 Disember 1925. Mendapat didikan di Sekolah Melayu Seberang Perak Alor Setar, Sultan Abdul Hamid College, dan Kolej Perubatan Singapura.

Berkenalan dengan isterinya sekarang Doktor Hasmah binti Mohd Ali semasa sama-sama belajar di Singapura dan berkahwin pada tahun 1956. Sekarang mempun-

nyai lima orang anak iaitu tiga perempuan, Marina 17, Mirzan 16, Melinda 14 dan dua lelaki Mokhzani 13 dan Mukhriz 9 tahun.

Aktif dalam politik sejak tahun 1945 dengan menyertai Kesatuan Melayu Kedah, Seberkas, Kesatuan Pemuda Melayu Kedah dan akhirnya UMNO.

Antara kegiatannya di Alor Setar di dalam tahun 1946 ketika masih bersekolah ialah menampal poster-poster anti British di waktu malam.

Beliau dipecat dari UMNO pada 12 Julai 1969 dan diterima balik menjadi ahli UMNO di dalam tahun 1972.

Berikutan dengan perlantikannya sebagai Menteri Pelajaran beliau akan menamatkan khidmatnya sebagai doktor yang telah dijalankannya sejak 20 tahun lalu tetapi 'Maha Kliniknya' di Pekan Melayu Alor Setar tetap akan dibuka untuk dijalankan oleh doktor lain.

Doktor Mahathir ketika itu tidak mempunyai keyakinan terhadap kejujuran British di dalam perjanjian itu. Perbincangan mengenalinya diadakan di rumah Datuk Hamzah Abu Samah (sekarang Menteri Perdagangan dan Perusahaan) yang ketika itu menjadi Pengadil Mahkamah di Alor Setar.

Bellau menumpukan perhatian kepada kliniknya yang berpindah ke Pekan Melayu Alor Setar dan apabila aktif semula beliau bertanding di dalam pilihanraya 1969 sebagai calon Parlimen tetapi kalah.

Bellau telah dipecat dari menjadi ahli UMNO kerana dikatakan menentang pucuk pimpinan selepas peristiwa 13 Mei.

Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew pernah mengecamnya sebagai seorang "ULTRA."

Pelampau

Di saat-saat beliau menghadapi keruntuhan di dalam politik di dalam tahun 1969, beliau memberitahu perasaannya kepada saya "merasa seperti terbang."

"Orang pun dah takut nak datang rumah saya," katanya.

Tetapi pada hakikatnya hubungan kemanusianya dengan orang amal ba-

Oleh
Zainuddin
Maidin

suatu yang benar yang dibantu oleh fact.

"Saya cuma menyuarakan perkara-perkara yang saya tahu."

Katanya, lagi "orang yang melekatkan lebel itu pada saya adalah bertujuan untuk menggagalkan sebarang usaha saya, maka apa yang saya buat semuanya melampaui walaupun sebenarnya tidak melampaui."

Soal: Bagaimana perasaan Doktor terhadap kepercayaan yang diberikan oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak dengan melantik Doktor sebagai Menteri Pelajaran?

Mahathir: Barang kali Tun ingat saya boleh kerja dan kalau ada kepercayaan Tun yang demikian maka saya merasa bangga.

"Tetapi saya sedar bahawa kepercayaan Tun itu adalah merupakan satu ujian kepada saya sama ada saya boleh bercakap sahaja atau

'Saya mempunyai sikap pelajar mesti minat dalam politik'

mata-mata tetapi mestilah mencapai tujuan perpaduan rakyat dan menjayakan negara.

Soal: Ada keraguan yang ditimbulkan oleh setengah-setengah pihak atas perlantikan Doktor menjadi Menteri Pelajaran?

Mahathir: Saya suka menegaskan apa yang telah ditegaskan berulang kali bahawa saya adalah tetap berpegang kepada perlembagaan.

Perlembagaan Negara tidak melarang pelajaran di dalam bahasa-bahasa lain tetapi pelajaran di dalam Bahasa Kebangsaan mestilah menjadi perkara yang wajib bagi semua.

"Sekiranya pelajar-pelajar menganggap bahawa berdansa dan mengadakan ball sebagai perkara buruk maka mereka juga harus tahu untuk menolak lain-lain perkara yang buruk dari luar."

"Kalau nak simpan rambut panjang janganlah sampai keterlaluan.

Dan kalau sudah berambut panjang janganlah pula berkelakuan tak senonoh.

Rambut panjang ala hippies tidak sesuai dengan kebudayaan kita, tidak senonoh!

"Saya sama sekali tidak setuju pelajar-pelajar kita meniru

jar-pelajar mesti mempunyai minat di dalam politik tetapi dengan mengingatkan bahawa tugas mereka yang utama ialah belajar dan mesti lulus di dalam peperiksaan.

"Dengan itu kelak mereka dapat menyara hidup mereka sendiri dan menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat."

Soal: Masih ada sungutan orangramai dan juga siswa-siswa sendiri tentang penderiaan biasiswa yang berilaku secara tidak adil, anak setengah-setengah orang yang tidak berbakatpun telah mendapatnya. Apakah yang Doktor akan buat di dalam perkara ini.

Mahathir: Saya berpendapat bahawa biasiswa ini adalah terbahagi kepada dua pihak yang patut mendapatnya:

1. Sebagai hadiah kepada orang-orang yang benar-benar 'brilliant'.

2. Kepada orang yang ada kebolehan dan boleh mengikuti sesuatu kursus.

Berdancing

nyak menolongnya. Rombongan demi rombongan datang menemuinya di rumah.

Orang masih mengingatkan bahawa di sebalik sikapnya yang tegas dan anggap terhadapnya sebagai pelampau, beliau mempunyai kemampuan untuk tidak mengangkat suaranya sekalipun ketika sedang marah.

Dan bila saya menemuinya hari Jumaat kelmarin dan secara berseloroh bertanya kepadanya "Bagaimana Doktor sekarang, ULTRA sudah jadi Menteri Pelajaran?"

Beliau secara serious menjawab "Saya tidak mengakui diri saya sebagai ULTRA."

"Ini adalah satu lebel yang telah ditampalkan kepada saya."

"Maka kerana ada lebel atau cap ini, apa yang saya kata dan buat, sekalipun benar atau tidak maka dianggap sebagai pelampau."

"Sepanjang ingatan saya apa yang saya pernah katakan ialah berasaskan kepada kebenaran, saya memperhatikan se-

boleh bekerja."

Soal: Adakah Doktor pernah ingat untuk jadi menteri sejak memuatkan perjuangannya 29 tahun yang lalu?

Mahathir: Tidak ada ingatan tetapi ada keinginan. Siapa pun yang masuk politik tentu ada mempunyai keinginan untuk memegang sesuatu jawatan. Kita tak usahlah hypocrite di dalam soal ini.

Soal: Adakah Menteri Pelajaran merupakan jawatan yang sesuai bagi Doktor?

Mahathir: Ini adalah satu lapangan yang saya boleh katakan saya tahu serba sedikit, yang tidak terkeluar dari jurusan yang saya tahu.

Di bidang ini juga saya ada mempunyai sedikit pengetahuan.

Bagi saya tujuan terpenting sekali lapangan pelajaran dan Dasar Pelajaran Malaysia bukanlah untuk pelajaran se-

"Saya akan mencari jalan dan cara-cara yang effective bagi menyelesaikan masalah - masalah kontroversial."

"Saya tidak bertujuan untuk menyelesaikan perkara-perkara yang kontroversial."

"Saya rasa ada cara-cara yang flexible yang boleh menyelesaikan masalah yang berbangkit dari membuat kenyataan-kenyataan terbuka"

Soal: Masalah berat yang mungkin Doktor hadapi kelak ialah "masalah pelajar" kerana sekarang terdapat kecenderungan pelajar di negara ini mengikuti aliran luar negeri.

Mahathir: Kita tidak boleh menyekat sama sekali pelajar-pelajar kita untuk meniru cara-cara luar negeri tetapi peniruan itu biarlah berfaedah kepada negara.

Peniruan yang merugikan negara mestilah ditolak.

hippies culture dan saya sedar bahawa goibongan pelajar yang terlibat dengan peniruan itu hanyalah sebilangan kecil sahaja."

Soal: Sejak menjadi pelajar lagi Doktor adalah aktif di dalam politik, adakah Doktor bersetuju sekiranya pelajar-pelajar kita mengambl bahagian di dalam politik?

Mahathir: Pelajar-pelajar mestilah menaruh minat di dalam politik dan melatih diri dalam politik tetapi mengambil bahagian di dalam politik ketika rakyat membelanjakan wang untuk pelajaran mereka adalah merupakan suatu penyelewengan.

"Sekiranya pelajar-pelajar tidak suka pegawai-pegawai kerajaan yang gajinya dibayar oleh kerajaan mengambil bahagian di dalam mana-mana parti politik, maka mereka tidak patut buat apa yang mereka tidak suka orang lain buat."

"Saya mempunyai sikap bahawa pela-

Sekalipun anak orang kaya tetapi sekiranya ketajaman 'otaknya' luar biasa maka ia patutlah mendapat hadiah untuk galakkan kepandanya. Kita mestilah mengakui kebolehan-nya."

"Kalau tidak anak-anak orang kaya yang bagus otaknya pun tidak mahu belajar lagi."

"Sekiranya ada penyelewengan maka saya akan membuat kajian supaya saya mendapat tahu keadaan sebenarnya."

Penoreh

"Bagaimapun satu kenyataan mestilah diakui bahawa beribu-ribu pelajar yang mendapat biasiswa sekarang bukanlah anak orang-orang kaya."

"Kita banyak membaca berita-berita tentang anak-anak petani dan penoreh getah yang keluar dari universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi."

Soal: Saya mahu berterus-terang dengan Doktor, ada orang menimbulkan bahawa Doktor mahu rakyat mempunyai

keyakinan terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan tetapi kenapa Doktor menghantar anak Doktor belajar di London.

Mahathir: Bukanlah tujuan saya menghantar anak saya belajar di London.

Anak perempuan saya yang kedua Mirzan 16 tahun terpilih menyertai rancangan MARA di dalam tahun 1972 untuk menghantar murid-murid kita mengambil O Level di London.

Anak saya itu adalah di antara empat orang yang terpilih. Saya sendiri tidak tahu yang dia terpilih kecuali sesudah diberitahu.

Dan bila dia dapat pergi kakaknya Marina 17, menimbulkan pertanyaan kalau adiknya boleh pergi kenapa dia tidak boleh pergi.

Ini adalah masalah keluarga atau masalah ibubapa, jadi mahu tidak mahu saya terpaksa menghantar Marina ke London untuk membuat A Level di sana.

Soal: Adakah Doktor merasakan lapangan yang dipertanggungjawabkan kepa-

da Doktor ini susah?

Mahathir: Masalah pelajaran adalah pelajaran adalah tidak susah tetapi yang susah ialah pertikaian pendapat antara orang-orang yang terlibat di dalam pelajaran.

Mereka terdiri dari ibubapa, murid-murid, guru-guru, pelajaran dan juga kesatuan.

Saya akan menghadapi masalah untuk menyelesaikan pendapat yang berlainan antara golongan ini.

Tugas saya yang utama ialah untuk mendengar pendapat mereka semua. Mungkin ada titik-titik pertemuan antara mereka yang sesuai dan dapat menolong di dalam pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

"Mungkin juga masih ada ruang-ruang yang membolehkan Dasar Pelajaran dijalankan dengan lebih cergas dan lebih tegas lagi untuk mendapatkan lebih banyak lagi kejayaan.

"Ini adalah ujian kepada saya, ujian sama ada saya hanya boleh bercakap atau boleh bekerja."